

28 DEC 2000

Khalil-Perpaduan

PERPADUAN MELAYU: TIADA GAMBARAN JELAS DARIPADA PEMBANGKANG

KUANTAN, 28 Dis (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata, beliau masih tidak dapat melihat gambaran jelas atau tanda-tanda bagaimana membincangkan agenda perpaduan orang Melayu dengan pihak pembangkang setakat ini.

"Tanda-tanda ialah kalau nak muzakarah ini mesti ada pihak yang merintis jalan...Sekarang ini kita hanya berpandu kepada kenyataan-kenyataan dan ianya tidak begitu positif...dan saya nampak ia diberi galakan oleh media," katanya.

Beliau berpendapat bukan semua kalangan Umno hendak bermuzakarah dengan PAS terutamanya kerana selagi pembangkang tidak berhenti daripada mencaci pemimpin Umno, sukar hendak menerima muzakarah ini.

"Saya belum melihat gambaran ke arah itu. Sekarang tak ada tanda-tanda pembangkang termasuk PAS berhenti menghentam pemimpin Umno," kata beliau kepada pemberita di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri beliau di sini.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan berkata sekiranya tiada tanda-tanda berkenaan, bagaimana hendak memberi satu reaksi dan maklum balas positif.

Khalil yang juga anggota Parlimen Kuantan diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang kesanggupan Umno memulakan inisiatif mengadakan perbincangan dengan parti PAS dan Keadilan tentang agenda perpaduan Melayu.

Bagaimanapun menurut Dr Mahathir usaha itu tidak perlu kerana perpecahan bukan berpunca daripada Umno tetapi pihak lain.

Khalil berkata setahu beliau di kalangan Umno sendiri perkara itu belum dibincangkan tetapi tidak tahu sekiranya dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) yang akan datang.

"Tidak ada perbincangan rasmi ke arah itu. Kalau ada pun kita mesti tengok dahulu bagaimana caranya. Setakat ini dalam mesej Hari Raya oleh beberapa pemimpin pembangkang saya tak nampak satu kenyataan nyata di sebalik apa yang disebut tetapi lebih kepada kenyataan politik sahaja," katanya.

Ditanya sama ada terdapat surat rasmi dihantar kepada Umno tentang perkara itu, Khalil berkata beliau tidak nampak bagaimana pembangkang mahu menulis kepada Umno dan Umno nak menulis kepada pembangkang.

Mengenai penahanan beberapa pemimpin pembangkang kerana didakwa merusuh ketika pilihan raya kecil kawasan Lunas di Kedah beliau berkata perkara itu diserahkan kepada polis.

"Umno tidak mempengaruhinya...Itu kuasa polis bukannya perkara politik...Hal berkaitan keselamatan, menjamin kepentingan awam terpulang kepada pihak berkuasa dan bukannya perkara politik," katanya.

-- BERNAMA

SHS PR